

**Perkukuhkan perpaduan Melayu
Utusan Online
Februari 26, 2012
Oleh SAHBULAH DARWI dan SAFINA RAMLI**

GURUN 25 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak menyeru orang Melayu memperkukuhkan perpaduan bersandarkan kekuatan sedia ada iaitu UMNO dan Barisan Nasional (BN) bagi memartabatkan kedudukan kaum itu di tempat yang tinggi dan semulia-mulianya.

Perdana Menteri berkata, perpaduan Melayu dalam wadah perjuangan untuk agama, bangsa dan negara amat penting kerana ia adalah sendi utama kepada perpaduan nasional berbilang kaum di negara ini.

"Perjuangan yang telah bermula sejak dulu sejak zaman (Allahyarham) Datuk Onn (Jaafar), perjuangan itu tidak ada nokhtah, tak sampai ke garis penamat kerana kedaulatan bangsa Melayu dan negara tidak berakhir dengan kemerdekaan.

"Ia jadi pegangan untuk wadah perjuangan sehingga kita dapat memartabatkan bangsa Melayu dan negara di tempat yang semulia-mulianya. Selagi belum kesampaian kita perlu perjuangan, rapatkan barisan, kuatkan perpaduan agar cita-cita pengasas negara menjadi realiti," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap merasmikan Himpunan Raksasa Perpaduan Gayung anjuran Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayung Malaysia di Modenas di sini hari ini.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Yang Dipertua pertubuhan itu, Datuk Raja Abdul Majid Raja Mat Isa dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah.

Najib berkata, rentetan sejarah seni silat gayong menunjukkan ia berkait rapat dengan wadah perjuangan UMNO yang bertujuan mendaulatkan bangsa Melayu.

Justeru, beliau berkata, seni silat gayong merupakan cerminan kepada perpaduan Melayu dan wadah perjuangan agama, bangsa dan negara yang dipelopori oleh pengasas seni silat itu, Allahyarham Mahaguru Datuk Meor Abdul Rahman Mohd. Hashim.

"Perpaduan orang-orang Melayu melalui seni silat gayong ini adalah sebahagian perpaduan bangsa Melayu yang diperjuangkan," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, pesilat-pesilat sejati perlu menginsafi perjuangan sejak turun temurun yang menuntut keluhuran akhlak yang didasarkan kepada ilmu dan kesungguhan mengotakan janji.

"Janji kita di setiap jemala pesilat kita ialah mempertahankan negara kita yang tercinta. Apabila kita berpegang kepada janji ini maka pendekar sejati akan mendahulukan watannya melebihi kemahuan diri. Kita tidak akan membiarkan kemahuan mengatasi tuntutan atas nama bangsa dan negara," katanya.

Najib memberitahu, nilai dan seni yang bersangkutan-paut dengan silat perlu dikembangkan, dibukukan dan diperturunkan dengan lebih meluas dalam masyarakat.

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0226&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_01.htm